



**FITEC FURNITURE TESTING CENTRE
PROGRAM PENGUJIAN PERABOT
Borang Permohonan**

UNTUK DIISI OLEH PENGILANG	
MAKLUMAT SYARIKAT	
NO TELEFON / FAKSIMILI	
JENIS PRODUK & NAMA,MODEL	
JENIS PENGUJIAN	
LAMPIRAN SURAT PERMOHONAN	<input type="checkbox"/> OK <input type="checkbox"/> TIDAK
LAMPIRAN LUKISAN TEKNIKAL	<input type="checkbox"/> OK <input type="checkbox"/> TIDAK
ASSEMBLI PRODUK	<input type="checkbox"/> OK <input type="checkbox"/> TIDAK
*LAMPIRAN SURAT KEBENARAN	<input type="checkbox"/> OK <input type="checkbox"/> TIDAK
PERMINTAAN PELANGGAN	
NO. SIRI PENGUJIAN (NSP)	

**SURAT KEBENARAN perlu disertakan sekiranya pengilang membenarkan pihak FFTC melakukan assemblie produk bagi pihak pengilang.*

DIHANTAR	DITERIMA	CHOP TERIMA
<p style="text-align: center;">----- (sign)</p> <p>Nama:</p> <p>No.h/p:</p> <p>Tarikh:</p>	<p style="text-align: center;">----- (sign)</p> <p>Nama:</p> <p>Tarikh:</p>	



SYARAT & PERATURAN

1. Pelanggan mesti mengemukakan permohonan secara bertulis kepada pihak FFTC sama ada dalam bentuk surat ataupun e-mail untuk menjalankan pengujian perabot di FFTC.
2. Pelanggan mestilah mengisi dengan lengkap BORANG PERMOHONAN untuk dihubungi oleh pihak FFTC.
3. Pelanggan mestilah memberikan maklumat yang lengkap mengenai perabot yang ingin diuji dan menyertakan dokumen yang berkaitan seperti lukisan kejuruteraan dan nota spesifikasi.
4. Jika perabot yang dihantar jenis pasang-siap, pelanggan mestilah memastikan perabot telah dipasang. Jika tidak, pelanggan mestilah mengeluarkan surat yang membenarkan pihak kakitangan FFTC memasang perabot berdasarkan kemahiran pihak kami dan tidak mempertikaikan pihak FFTC jika berlaku sebarang kesilapan.
5. Jika pelanggan telah bersetuju, pembayaran mestilah dilakukan sebelum sebarang ujian dijalankan.
(Jika pelanggan adalah VENDOR FITEC, maka cara lain pembayaran adalah dengan penolakan dari jumlah INVOIS yang akan diterima kelak)
6. Pelanggan mestilah bersetuju dengan kaedah pengujian perabot yang akan dilakukan oleh pihak FFTC berdasarkan standard-standard tertentu yang telah diperbincangkan terlebih dahulu bersama pelanggan.
7. Pelanggan mestilah bersetuju dan tidak mempertikaikan mengenai jangka masa pengujian yang dilakukan sama ada ianya akan mengambil masa yang panjang atau pun tidak.
8. Pelanggan mesti memahami bahawa perabot yang telah diuji tidak semestinya masih berada di dalam keadaan yang sama sewaktu dihantar untuk diuji dan selepas diuji. Terdapat kemungkinan perabot yang telah diuji tidak dapat digunakan lagi.
9. Pelanggan mestilah bersetuju bahawa apabila perabot sedang diuji, mereka tidak dibenarkan memasuki ruang makmal untuk meninjau perabot mereka demi melindungi hak rekacipta pelanggan lain. Namun, atas sebab tertentu, pelanggan dibenarkan masuk ke ruang makmal setelah diizinkan oleh kakitangan makmal dengan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh FFTC.
10. Perabot yang dihantar oleh pelanggan dan berada di dalam premis FFTC adalah berada di dalam tanggungjawab FFTC. Perabot yang selesai diuji mesti diambil semula oleh pelanggan dalam tempoh 1 BULAN dari tarikh SIJIL dan/atau LAPORAN dikeluarkan. Jika pelanggan tidak mengambil semula perabot mereka, pihak FFTC mempunyai hak untuk melupuskan perabot tersebut mengikut kaedah yang ditentukan oleh pihak FFTC.
11. Pelanggan tidak sepatutnya mempertikaikan keputusan pengujian perabot yang telah dijalankan oleh pihak FFTC kerana pihak FFTC telah menjalankan ujian yang sepatutnya berdasarkan standard-standard yang telah dipersetujui sebelumnya. Keputusan pengujian adalah MUKTAMAD. Walaubagaimanapun, perbincangan secara teknikal mengenai keputusan pengujian tersebut secara berhemah boleh dijalankan.
12. Pelanggan mestilah bersetuju bahawa selagi pembayaran tidak dilakukan, pihak FFTC tidak akan mengeluarkan SIJIL dan/atau LAPORAN kepada pelanggan.
13. Pelanggan mestilah bersetuju bahawa perabot mereka yang gagal memenuhi keperluan pengujian akan diisytiharkan TIDAK PATUH / NON-COMPLIANT. Tempoh 1 BULAN diberikan jika pelanggan membuat keputusan untuk melakukan pembaikan terhadap sampel perabot mereka. Jika tidak, perabot mereka disytiharkan sebagai TIDAK PATUH / NON-COMPLIANT.
14. Dengan menandatangani BORANG PERMOHONAN untuk PROGRAM PENGUJIAN PERABOT ini, maka ini bermakna usahawan telah bersetuju dikenakan syarat-syarat yang telah dinyatakan seperti di atas.



CARTA ALIR AKTIVITI PENGUJIAN PERABOT FFTC

